

Media Title	: Berita Harian
Headline	: OCBC Bank sedia RM700j bangunkan PTP@Bertam
Date	: 2 May 2023
Section	: Bisnes
Page	: 26



OCBC Bank sedia RM700j bangunkan PTP@Bertam

Pembiasaan kepada Ideal Property Group bina taman perindustrian lestari


Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

OCBC Bank (Malaysia) Bhd (OCBC Bank) menyediakan kemudahan berjumlah RM700 juta kepada Ideal Property Group bagi membiayai sebahagian daripada pembelian tanah, kerja pembinaan dan kos infrastruktur bagi projek Taman Teknologi Puau Pinang (PTP)@Bertam yang bakal dilaksanakan.

Projek itu bertujuan membina taman perindustrian lestari dan menarik penyertaan industri teknologi tinggi ke rantau ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Perbankan Korporat dan Komersial OCBC Bank, Jeffrey Teoh, berkata gembira menjadi pembiaya tunggal taman perindustrian yang bakal menjadi hab ekonomi utama di rantau ini kerana apabila siap kelak, ia dijangka mencipta ribuan pekerjaan baharu dan mengukuhkan ekonomi serantau.

Beliau berkata, di samping menyediakan pembiayaan kepada Ideal Property Group, OCBC Bank juga akan menawarkan paket pembiayaan akhir menarik kepada pembeli akhir layak di taman perindustrian.



Teoh (dua dari kiri) bersama Kee Liang (tengah) pada majlis memeterai perjanjian antara OCBC Bank dan Ideal Property Group.

(Foto ihsan OCBC Bank)

Katanya, tawaran itu bukan sahaja akan meningkatkan daya tarikan pembangunan itu, tetapi juga meningkatkan kelebihan daya saing, menjadikannya lebih menarik kepada pelbagai jenis industri yang mahu mengukuhkan kedudukan masing-masing di rantau ini.

"PTP@Bertam ialah pelan induk lestari yang dirangka untuk memupuk pembangunan syarikat teknologi tinggi yang memberi tumpuan terhadap inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

"Projek ini bertujuan menggalakkan kerjasama yang harmoni antara sumber manusia dan teknologi sambil mengutamakan kesejahteraan pelbagai pihak berkepentingan dalam masyarakat.

"Kami teruja untuk memainkan peranan dalam pembangunan penting ini sambil PTP@Bertam dimajukan sebagai hab kerjasama bagi institusi kewangan dan pendidikan dan membuka peluang pekerjaan dan menjana pertumbuhan ekonomi di rantau ini," katanya dalam satu kenyataan.

Tingkat keyakinan

Sementara itu, Pengurus Eksekutif Ideal Property Group, Tan Sri Alex Ooi Kee Liang merakamkan penghargaan atas kepercayaan dan keyakinan OCBC Bank terhadap syarikatnya.

Beliau berkata, pembiayaan itu akan membantu syarikatnya menggiatkan lagi usaha membina taman perindustrian lestari yang

bukan sahaja menarik syarikat berteknologi tinggi, tetapi turut mewujudkan persekitaran menarik bagi perusahaan dan perniagaan tempatan dari seluruh dunia untuk berkembang maju.

Katanya, taman perindustrian itu membentuk sebahagian penting wawasan syarikatnya untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di rantau ini.

"Kami teruja untuk bekerjasama dengan OCBC Bank untuk merealisasikan wawasan ini.

"Pembiayaan ini sekali gus meningkatkan keyakinan kami untuk membina hartanah pembangunan luar biasa yang akan membawa manfaat kepada masyarakat setempat dan juga demi generasi masa depan," katanya.